



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH
KOMUNITI MAMPAN 2018 / 2019

TARIKH / MASA / TEMPAT

04 OKTOBER 2019 (JUMAAT)
10.00 PAGI

AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li

Pengurus

Kumpulan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil-Wakil Komuniti

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan 2018/2019

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada YBhg. Dato' Lee Teong Li, Pengurus Kumpulan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. di atas kesudian menjadi penaja Program Anugerah Komuniti Mampan 2018 – 2019. Ini merupakan kali kedua Amphenol TCS menaja program ini.

Sebagai makluman, Amphenol TCS amat prihatin terhadap penjagaan alam sekitar. Syarikat ini bukan sahaja menganjur anugerah ini, tetapi juga menjadikan Sungai Junjung Mati sebagai anak angkat bagi rawatan air sungai. Pekerja-pekerja Amphenol dan pelajar SMK Taman Perwira bekerjasama menghasilkan bebola tanah bagi rawatan air sungai. Selain daripada itu, Amphenol TCS bukan sahaja menyumbang tenaga bagi khidmat komuniti bahkan juga mengamalkan pengasingan sisa organik kantin bagi pengkomposan dan juga tidak menggunakan straw di kantin. Ini merupakan satu teladan yang baik bagi industri yang lain. Saya berharap

kerjasama dan penajaan ini akan berterusan untuk tahun hadapan dan seterusnya. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Terima kasih juga kepada kesemua wakil-wakil komuniti dan para hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada pagi ini.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan

penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Oleh itu, dalam mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi yang cemerlang, MBSP telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus. MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Anugerah Komuniti Mampan 2018 / 2019 telah masuk penggal ke empat sejak ia bermula pada tahun 2013. Penyertaan komuniti dalam Program Anugerah Komuniti Mampan adalah amat menggalakkan kerana didapati ada peningkatan dari tahun ke tahun. Dari 12 penyertaan pada tahun 2013, bilangan komuniti yang menyertai anugerah ini telah bertambah kepada 21 pada tahun 2016 / 2017. Untuk Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2018-2019, sebanyak 22 komuniti telah menyertai anugerah ini untuk dinilai dan hanya 15 komuniti telah dipilih untuk menerima hadiah. Penyertaan adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk (PP) yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), *Joint Management Body* (JMB), *Management Corporation* (MC) dan Pusat Sumber Alam Sekitar di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Objektif anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam penjagaan kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai dan penambahbaikan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam penjagaan alam sekitar dan kemampanan komuniti. Prinsip LA 21 adalah untuk menggalakkan dan

melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang dijadikan rujukan peserta adalah:-

- i. Kitar Semula
- ii. Pengasingan Sisa di Punca
- iii. Kompos Sisa Organik
- iv. Membuat jus buah-buahan tertapai
- v. Penanaman pokok,
- vi. Pengindahan
- vii. Kebersihan taman
- viii. Kebun Kejiranan
- ix. Kempen kesedaran alam sekitar dan program sosial
- x. Gotong-royong.
- xi. Program pengurangan jejak karbon

- xii. Promosi 8R (*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle*)

Jangka masa pertandingan adalah dua (2) tahun iaitu 2018 hingga 2019 dan hari ini merupakan Majlis Penyampaian Hadiah kepada komuniti yang memenangi Anugerah Komuniti Mampan. Daripada 22 komuniti yang mengambil bahagian, 15 komuniti telah berjaya dan akan mendapat hadiah berupa wang tunai dan sijil:-

Johan : **RM3,000.00**

Naib Johan : **RM2,500.00**

Ketiga : **RM2,000.00**

Inovasi Khas : **RM 700.00**

Saguhati : **RM500.00 (11 hadiah)**

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Penglibatan 22 komuniti dan Kumpulan Amphenol TCS jelas membuktikan MBSP dan Kerajaan Negeri berada di atas landasan yang sama untuk mencapai Penang2030 melalui Inisiatif Strategik C: “*Empower People To Strengthen Civic Participation*”. MBSP memerlukan banyak kolaborasi seperti ini untuk “*unlock the power of partnership*” melalui pendekatan kreatif 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*) untuk membawa Seberang Perai ke arah Bandaraya Rendah Karbon.

Kepada para pemenang saya ucapkan Syabas dan Tahniah. Komuniti anda telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan** ” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada Amphenol TCS atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Lee Teong Li, Encik Au Chee Meng dan Puan Seow Boon Chye kerana telah dipilih sebagai wira hijau Seberang Perai baru-baru ini. Kepada komuniti-komuniti yang mengambil bahagian dalam Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2018 / 2019, saya mengharapkan agar anda semua meneruskan usaha murni anda dalam penjagaan alam sekitar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi

mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.